

12 AUG 2002

MUSTAPA-EKONOMI

KEYAKINAN TERUS KUKUH TERHADAP EKONOMI NEGARA, KATA MUSTAPA

PUTRAJAYA, 12 Ogos (Bernama) -- Keyakinan terhadap ekonomi Malaysia terus kukuh dengan pemulihan ekonomi yang berterusan walaupun pada kadar perlahan, kata Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed.

"Ekonomi negara sedang beransur pulih dan keyakinan pelabur dan pengguna tempatan berada pada tahap yang tinggi," katanya pada persidangan media di sini, hari ini.

Beliau, yang diminta mengulas dakwaan pembangkang kononnya ramai pelabur bersiap sedia membawa keluar pelaburan mereka dari negara ini dalam tempoh peralihan kuasa daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menyifatkan dakwaan itu sebagai dakwah pembangkang.

"Malaysia stabil dan kukuh, peralihan kuasa yang lancar tidak akan menimbulkan apa-apa masalah," katanya.

Mustapa menjelaskan bahawa pelaburan juga banyak bergantung kepada iklim ekonomi dunia.

"Kalaupun ada sedikit kelembapan dalam pelaburan langsung asing (FDI) umpamanya akhir-akhir ini, ia ada kaitan dengan kelembapan ekonomi dunia," katanya.

Bagaimanapun beliau yakin jika ekonomi dunia terus berkembang, ekonomi Malaysia dijangka berkembang lebih pesat.

Mustapa, yang juga ketua Perhubungan Umno Kelantan, turut menyifatkan Pas sebagai tidak konsisten dengan dasarnya berhubung pelaksanaan pengajaran mata pelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris.

Perbezaan pendapat antara kerajaan Kelantan dengan kerajaan Terengganu berhubung pelaksanaan itu jelas menunjukkan perkara itu, katanya ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini berhubung perkara itu.

"Tujuan kerajaan ialah untuk menjadikan Malaysia terus kompetitif di pasaran antarabangsa kerana kita kena menanda aras kita sendiri, bahasa Inggeris adalah penting untuk komunikasi serta sains dan teknologi.

"Yang kita lakukan ini bukan untuk kepentingan politik tapi untuk menjamin survival Malaysia sebagai sebuah negara terbuka," kata Mustapa. --

BERNAMA

AFY ZS ZK